

Headline	Empat pasukan selangkah ke separuh akhir		
MediaTitle	Harian Metro(www.hmetro.com.my)		
Date	24 Feb 2013	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	300
Order Rank	3	Readership	8
Language	Malay	ArticleSize	N/A
Journalist	N/A	AdValue	MYR 1,900
Frequency	Daily	PR Value	MYR 5,700

## Empat pasukan selangkah ke separuh akhir

[Link: http://c.moreover.com/click/here.pl?z8236821389&amp;z=1600249473](http://c.moreover.com/click/here.pl?z8236821389&amp;z=1600249473)

Kuala Lumpur: Perlawanan timbal balik suku akhir Piala Milo hari ini cukup menarik apabila tiga daripada empat pasukan yang bakal turun hanya tinggal selangkah untuk mara ke separuh akhir. UniKL, SSTMI Thunderbolt dan MBI Anderson sudah boleh menyimpan angan-angan untuk beraksi di separuh akhir selepas mencatat kemenangan selesa pada perlawanan pertama kelmarin. UniKL dilihat pasukan cukup selesa apabila membenam Melaka HS 7-0 kelmarin sekali gus membawa agregat besar menjelang perlawanan kedua hari ini. Begitu juga SSTMI Thunderbolt yang menang 4-0 ke atas juara Divisyen Dua, Sekolah Sukan Kuala Lumpur (SSKL) sementara MBI Anderson menewaskan PHK MSS Kelantan 5-1. "Saya tidak fikir kami akan mengambil mudah perlawanan esok (hari ini) kerana sasaran utama memang untuk menang. "Untuk memastikan kami layak ke separuh akhir, pasukan tetap dibarisi pemain terkuat," kata pengurus pasukan UniKL, Mohd Faiz Isa yang berharap anak buahnya dapat menebus kekecewaan musim lalu apabila sekadar muncul naib juara selepas tewas pada aksi final. Satu-satunya perlawanan yang cukup getir hari ini dan memberi peluang sama rata kepada kedua-dua pasukan adalah pertemuan antara SSTMI Jr dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ). Tanpa diletakkan harapan tinggi, SSTMI Jr mengejutkan MBPJ kelmarin apabila menang tipis 4-3, malah pada satu ketika selesa mendahului 4-1 sebelum lawan merapatkan jurang dengan meledak dua gol. Meskipun ketinggalan agregat satu gol, peluang masih terbuka luas kepada MBPJ andai mampu bangkit pada perlawanan kedua hari ini di Stadium Taman Daya Johor Bahru. Artikel ini disiarkan pada : 2013/